

Peniaga degil kena tindakan

KUALA LANGAT- Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) menyata pelbagai barang milik lapan premis perniagaan di Bandar Saujana Putra, selepas menerima aduan awam perniaga meletakkan kerusi dan meja di tempat yang tidak dibenarkan.

Timbalan Yang Dipertua MDKL, Mohd Yasin Alvi berkata, operasi selama empat jam itu berjaya menyita peralatan seperti 67 meja, 238 kerusi, enam tong gas dan tiga ton ikatan melibatkan lapan premis perniagaan.

Menurutnya, anggota pengukuasa MDKL turut mengeluarkan nota kesahaman terhadap dua peniaga yang menjalankan perniagaan menjual makanan segera di tempat tidak dibenarkan.

"Kita mengenakan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 46(1)(d), Akta 133 yang boleh dikenakan tindakan kompaun maksimum RM500 dan sekiranya berulang boleh dikenakan kompaun maksimum

sehingga RM1,000.

"Dalam operasi sama, anggota pengukuasa MDKL turut mengeluarkan dua nota kesahaman terhadap dua peniaga yang menjalankan perniagaan seperti menjual makanan segera di tempat tidak dibenarkan," katanya pada Sidang Media Operasi Kaki Lima Kedai Bandar Saujana Putra di Pejabat MDKL semalam.

Mohd Yasin berkata, beliau mengingatkan semua peniaga di daerah ini agar mematuhi syarat dan peraturan seperti yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Katanya, orang ramai juga diingatkan agar tidak duduk di kerusi meja jika kerusi dan meja diletakkan di petak letak kenderaan.

"Say fikir sesetengah peniaga yang meletakkan kerusi dan meja di tempat yang tidak dibenarkan disifatkan sebagai degil dan kami kesal dengan tindakan itu kerana bakal mengundang padah kepada pelanggan," katanya.



Sebahagian ahli kariah Surau Haji Manaf Batu 7, Kampung Sijangkang dan wakil Kumpulan Persatuan Kontraktor Rakan Niaga Strategik Negeri Selangor terlibat dalam aktiviti gotong royong.

Surau Haji Manaf terima sumbangan RM18,000



Sebahagian ahli kariah Surau Haji Manaf Batu 7, Kampung Sijangkang dan wakil Kumpulan Persatuan Kontraktor Rakan Niaga Strategik Negeri Selangor terlibat dalam aktiviti gotong royong.

SIJANGKANG- Surau Haji Manaf Batu 7, Kampung Sijangkang mendapat perhatian apabila menerima RM18,000 sumbangan daripada Kumpulan Persatuan Kontraktor Rakan Niaga Strategik Negeri Selangor.

Pengerusi Surau, Rahim Dasuki berkata, program itu membantu memberi kecerianan surau di samping men-transformasikan surau supaya menjadi tarikan ramai.

Menurutnya, pihaknya mengadakan aktiviti gotong royong menjalankan aktiviti mengecat, mengemas dan mencuci surau sekali gus menyifatkan program khidmat

masyarakat itu benar-benar membantu ahli kariah.

"Selain dapat mengimarahkan surau, kita juga menarik golongan belia aktif ke surau selain menjalankan ibadah di sini dengan selesa."

"Saya percaya surau ini antara tarikan masyarakat selain sentiasa mendapat perhatian," katanya.

Bendahari Surau Haji Manaf, Mohd Asrin Ishak berkata, beliau mewakili jawatankuasa keselamatan kampung persekutuan mengharapkan program khidmat sosial itu berterusan selain lebih banyak lagi persatuan luar mengadakan aktiviti seperti itu.

Katanya, walaupun penyelenggaraan yang dibuat melalui gotong royong namun ia memberi peluang yang besar kepada ahli kariah terlibat dalam program gotong royong surau.

"Saya pasti banyak lagi pihak luar hendak menghulurkan sumbangan cuma tak tahu saluran, jadi bila ada pihak seperti Kumpulan Persatuan Kontraktor Rakan Niaga Strategik Negeri Selangor memerlukan sumbangan kami manfaat sepenuhnya," katanya.

Sementara itu, pelbagai kemudahan latihan turut diterima melalui aktiviti itu termasuk dua unit penghawa dingin untuk kegunaan ahli kariah.

Kebakaran di kuarters polis

Suri rumah cemas bilik tidur terbakar

NURUL FIRDAUS KHAI

BANTING - Seorang suri rumah berdepan detik cemas apabila sebuah bilik di Kuarters Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat terbakar.

Kejadian berlaku kira-kira jam 10.30 pagi semalam, dipercayai melibatkan sebuah bilik tidur milik seorang kakitangan IPD Kuala Langat.

Ketua Balai Bomba Banting, Akmal Azizi Elias @ Mohd Jaimi berkata, tindakan pantas suri rumah berkenaan membantu mengelakkan api marak dengan cepat.

- Tindakan pantas suri rumah berkenaan bantu ekal api marak dengan cepat

Menurutnya, setibanya anggota bomba ke lokasi, api mulia marak namun tindakan pantas 11 anggota bomba dari Balai Bomba Banting menyelamatkan keadaan daripada merebak ke bahagian lain.

"Hasil siasatan kami mendapati kelengkapan bilik tidur termasuk tilam terbakar namun tiada mangsa

yang tercedera. Kami terpaksa menggunakan satu aliran pancutan pam jentera bomba sehingga api padam sepenuhnya," katanya.

Akmal Azizi berkata, ketika kejadian mangsa sempat menyelamatkan diri ketika api mulia marak.

Katanya, jumlah kerugian dan punca kebakaran masih dalam siasatan lanjut.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintenden Azizan Tukiman ketika dihubungi mengesahkan kejadian.

Katanya, tiada kerosakan dan kemalangan berlaku.



Keadilan sebuah bilik di Kuarters IPD Kuala Langat yang terbakar semalam.